

*Rosmah
Mansor*

209595
RA

SITI ROHAYAH ATTAN
NORAINI ABD RAZAK



TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

Rosmah Mansor

oleh
SITI ROHAYAH ATTAN & NORAINI ABD RAZAK

terbitan



PUSTAKA PERDANA



1010991



Diterbitkan oleh
YAYASAN AMANAH PERDANA MALAYSIA
2-3A, Perdana The Place
Jalan PJU 8/5G
Bandar Damansara Perdana
47820 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Terbitan pertama 2013

Hakcipta © Yayasan Amanah Perdana Malaysia
Semua hakcipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia – Data – Mengkatalog – Dalam-
Penerbitan
Biografi
Rosmah Mansor
Siti Rohayah Aftan & Noraini Abd Razak
Penyelidik dan Penyunting: Chloe Siao Hui Boon

ISBN: 978-967-1136-0-4

Grafik & Atur Huruf: dynamodayak designs
Fotografi: Noor Baini Masri & ehsan Kumpulan Utusan (M) Berhad,
Kumpulan NSTP Berhad, Bernama dan koleksi peribadi
YABhg. Datin Seri Rosmah Mansor

Harga: RM150

Dicetak Oleh:
UNIQUELINK @ dot print Sdn Bhd (602889V)
24, Jalan PBS 14/6, Taman Perindustrian Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan, Selangor, Malaysia.

Rosmah Manson

KANDUNGAN

4	KATA-KATA ALUAN
7	ZAMAN KANAK-KANAK & REMAJA
27	ZAMAN UNIVERSITI & PEKERJAAN
37	KELUARGA & ANAK-ANAK
51	115
CABARAN SEBAGAI ISTERI PEMIMPIN	PENGHAYATAN KEAGAMAAN
69	125
PENGLIBATAN DALAM PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)	PENGHORMATAN & ANUGERAH
87	127
PROGRAMPERMATA	CERITA MENARIK
105	137
AKTIVITI ANTARABANGSA	MENJAWAB PERSOALAN
160	151
GAMBAR PILIHAN	PANDANGAN KENALAN
170	
GAMBAR PRA PELANCARAN	

KATA-KATA ALUAN PENERBIT



SEGALA pujian bagi Allah ﷻ dan selawat serta salam kepada Rasulullah ﷺ. Bersyukur kita, dengan izin Allah ﷻ Yayasan Amanah Perdana Malaysia dapat menerbitkan sebuah buku biografi Y.A.Bhg. Datin Seri Rosmah Mansor, isteri Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B. Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Buku biografi Y.A.Bhg. Datin Seri Rosmah Mansor ini meniti perjalanan kehidupan, pemikiran, usaha dan cabaran yang dilalui oleh Y.A.Bhg. Datin Seri Rosmah Mansor.

Perjalanan ini mencakupi kehidupan beliau sebagai seorang kanak-kanak, remaja, isteri, ibu dan wanita yang berusaha untuk memartabatkan kaum hawa dan pembangunan kanak-kanak yang akan mencorakkan kejayaan masyarakat di masa hadapan.

Di dalam melalui liku-liku perjalanan kehidupan ini, Y.A.Bhg. Datin Seri Rosmah Mansor juga sering dilemparkan dengan pelbagai fitnah dan tohmahan. Namun begitu, Y.A.Bhg. Datin Seri Rosmah Mansor

tetap tabah dan sabar malah sentiasa berdoa supaya Allah ﷻ memberi kekuatan kepada beliau untuk meneruskan dan melaksanakan tanggungjawab di samping suami yang dikasihi, Y.A.B. Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Hakikatnya, Y.A.Bhg. Datin Seri Rosmah Mansor adalah seorang wanita yang sederhana dan mudah didekati tetapi tetap tegas dan telus di dalam melaksanakan tanggung jawab dan amanah.

Walaupun hiba dan adakalanya menitiskan air mata akibat kata-kata nista yang menghina, Y.A.Bhg. Datin Seri Rosmah Mansor tidak pernah mendoakan kecelakaan kepada orang-orang yang memfitnahnya.

Saya berharap buku biografi ini akan dapat membantu kita untuk menyelami hati budi beliau dan seterusnya menghayati pengorbanan dan usaha yang telah beliau lakukan.

Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua tenaga kerja yang telah bertungkus lumus berusaha untuk menyediakan dan menyiapkan buku biografi ini.

Akhir kata, kehidupan kita di dunia ini adalah sementara. Hakikat kejayaan adalah di dalam mentaati perintah Allah ﷻ dengan mengikuti sunnah

Rasulullah ﷺ. Marilah kita berdoa untuk kebaikan dan kesejahteraan bagi Y. A.Bhg. Datin Seri Rosmah Mansor dan keluarga serta seluruh rakyat Malaysia yang tercinta.

SHAMSULBAHRIN LUDIN

Pengerusi Yayasan Amanah Perdana Malaysia



*Rosmah
Mansor*

WANITA PERDANA

*Engkau bagai dian menyinari alam
Membakar diri siapa faham
Kau suri teladan berjiwa satria
Manja matang mempesona mesra*

*Cerdas tabah menakjubkan
Sedia bijak melaksana
Menyokong membangkitkan tekad
Sulam bara kata semangat*

*Citra wanita perdana
Menggalas cita sebuah negara
Merubah jenama lama
Bemartabat juga berwibawa*

*Di atas geta perdana
Kaulah bonda permata
Menggilap bintang-bintang kecil
Menggapai mimpi sakti diri*

*Kaulah wanita perdana
Engkaulah permata bonda
Merentang sayang pertiwi
Sejagat semayapada*

ROSMINAH MOHD.TAHIR
10 OKTOBER 2012

ZAMAN KANAK-KANAK & REMAJA

“Saya membesar bersama rakan-rakan, belajar untuk bergaul dan bertolak ansur, menerima kekurangan orang lain dan orang lain belajar menerima kekurangan saya. Itu adalah tempoh menyesuaikan diri. Saya tidak ada ‘complaint’ mengenai hidup saya berhubung waktu saya membesar. Saya juga tidak berdendam dengan orang.”






HUJUNG tahun 1951, debaran semakin terasa kepada pasangan Cikgu Mansor Katas dan Cikgu Fatimah Kedah. Mereka berdebar-debar menantikan kehadiran anak sulung bagi memeriahkan lagi rumahtangga yang dibina selama ini.

Berbagai-bagai perkara bermain di fikiran; apakah yang bakal lahir nanti seorang putera atau puteri? Apakah sempurna anak itu nanti? Dan, bagaimana pula untuk mereka mendidik zuriat itu supaya berguna kepada keluarga, agama, bangsa dan negara. Doa sentiasa bermain di bibir dan hati.

Penantian itu berakhir. Pada 10 Disember 1951 bertempat di Hospital Kuala Pilah, Negeri Sembilan dengan izin Allah ﷻ, lahirlah seorang lagi umat Nabi Muhammad ﷺ yang menjadi waris mereka.

Meskipun negara belum lagi merdeka,



ROSMAH ketika berusia setahun.

tetapi kehadiran puteri yang diberi nama Rosmah itu adalah hadiah kemerdekaan yang tidak ternilai kepada rumahtangga pasangan guru tersebut.

Lahir kira-kira enam tahun sebelum Tanah Melayu merdeka memberi sedikit sebanyak pengalaman kepada Rosmah untuk membesar sebagai anak di bumi yang dijajah oleh Inggeris.

Namun, itu tidak mematahkan semangat ibu bapa untuk mendidik Rosmah sebagai waris yang cekal dan bermotivasi. Saat itu, peluang untuk mendapat pendidikan amat terhad terutamanya di kalangan anak-anak perempuan.

Pendapat anak perempuan sejauh mana pandai belajar pun akan duduk di ceruk dapur masih menebal di kalangan masyarakat. Namun, sebagai anak pendidik yang berjiwa besar, Rosmah dilimpahi peluang tersebut oleh ibu bapa tercinta.

Bapa Rosmah adalah Guru Besar yang berasal dari Rembau. Orangnyanya sangat tegas dan berkelulusan dari Maktab Perguruan Sultan Idris, Perak. Manakala ibunya, Fatimah berasal dari Kampung Mertang, Kuala Pilah mendapat pendidikan dari Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka.

Mereka telah sepakat untuk mendidik anak tunggal itu supaya boleh menjadi orang berguna dengan ilmu apabila dewasa kelak.

Sebagai anak guru, Rosmah telah dibawa ke sekolah sejak berusia empat tahun lagi apatah lagi beliau asyik bertanya bila akan boleh bersekolah seperti orang lain. Oleh kerana belum cukup umur, Rosmah ‘menumpang’ di kelas darjah satu. Walaupun hanya berstatus ‘pelajar tumpang’ kegembiraan sudah tergambar di wajahnya.

“Pada tahun pertama saya dapat nombor tiga, memang saya sangat gembira kerana dapat mengalahkan pelajar yang berusia enam tahun.

Tetapi saya tidak naik ke darjah dua sedangkan kawan-kawan yang dapat nombor terbawah boleh naik kelas. Tahun berikutnya saya dapat nombor dua, tapi masih kekal di kelas yang sama.

“Saya kecewa dan tanya mak saya, kenapa orang semua naik kelas tapi saya masih di kelas yang sama. Mak jawab, umur kau belum cukup. Jadi, ketika usia enam tahun baru saya benar-benar diterima sebagai murid sekolah,” cerita Rosmah

RUMAH keluarga Rosmah di Seremban,
Negeri Sembilan.

yang mendapat pendidikan aliran Inggeris di beberapa sekolah rendah di Rembau, Jelebu dan Seremban.

Di bangku sekolah yang serba kekurangan apatah lagi Tanah Melayu baru saja merdeka, Rosmah telah menunjukkan kepintaran dalam bidang pendidikan dan sentiasa ingin tahu tentang perihal dunia. Anak kecil yang serba lincah ini amat suka membaca buku, bersukan dan sudah mula memperlihatkan wibawa dalam bidang seni.

“Saya anak tunggal. Jadi, saya tidak perlu bergaduh. Ini antara faktor saya tidak suka bergaduh. Ibu bapa saya adalah guru, sudah tentu ada nilai disiplin yang diterapkan, iaitu yang boleh dan tidak boleh dilakukan.

“Memandangkan saya satu-satunya anak mereka, maka banyak tekanan yang diberikan kepada saya. Bagaimanapun, saya berterima kasih kerana mereka tahu melayan kerenah saya.”

Didikan tegas oleh ibu bapa menyebabkan Rosmah tidak berpeluang untuk ‘bermalas-malas’ atau menjadi anak manja. Beliau mempunyai rutin tersendiri. Pagi-pagi Rosmah harus bangun, bersiap dan ke sekolah. Tengah hari membuat kerja sekolah. Waktu petang beliau wajib mengaji dan

belajar agama. Rosmah khatam ketika 12 tahun. Jika berpeluang, beliau akan bermain bersama-sama rakan-rakannya sebelah petang.



FATIMAH Kedah & Mansor Katas.

Kena Rotan

Seperti kanak-kanak lain, Rosmah yang tinggal di kuarters guru berkawan tanpa mengira jantina. Bermain galah panjang, konda kondi, teng teng, main sorok-sorok, panjat pokok dan mandi sungai.

Sebenarnya, banyak cerita menarik tentang perjalanan hidup Rosmah sebagai kanak-kanak. Seperti diakuinya, beliau melalui zaman kanak-kanak yang amat menggemirakan. Tiada apa yang dikesalkan meninggalkan sejarah kanak-kanak itu ke belakang.

Ramai menyedari bakat Rosmah dalam bidang nyanyian. Ia sebenarnya telah dikesan sejak berusia lima tahun lagi. Pada ketika itu Rosmah asyik dipaksa menyanyi hingga ada ketikanya *microphone* lebih tinggi daripada dirinya. Rosmah terpaksa menyanyi dengan berdiri di atas kerusi. Lagu yang sering dinyanyikan ialah *Hitam Manis*. Oleh kerana bapanya juga suka menyanyi lagu

kegemarannya *Seri Mersing*, maka bakat anak-beranak ini seperti menjadi satu hobi yang tidak boleh dipisahkan.

Antara kenangan lain yang masih terpahat kejam dalam memori ialah berenang dalam sungai ketika perjalanan pulang selepas mengaji Al-Quran. Setiap hari untuk pergi dan balik mengaji di rumah ustaz, Rosmah akan berjalan kaki selama 15 minit. Beliau dan kawan-kawan akan melalui sungai yang jernih dan sejuk airnya. Setiap kali melalui kawasan tersebut bagai ada yang melambai-lambainya, seperti mengajaknya bermain-main di situ.

Tidak tahan dengan godaan tersebut, satu hari Rosmah dan rakan-rakan terjun ke dalam sungai itu. Mereka berenang dengan semahu-mahunya. Gembira dan ketawa. Lupa segala kemarahan ustaz sebelum itu. Lupa tentang rotan buluh milik ustaz yang sentiasa menanti paha sesiapa menjadi mangsanya. Lupa segala-galanya.

Setelah penat berenang, dalam keadaan basah, Rosmah pulang ke rumah dengan gembira kerana hajat di hati telah dimakbulkan. Namun, sebaik sampai di rumah, langkah kakinya terhenti. Menunggu di depan pintu adalah ibunya bersama rotan.

“Saya menangis sampai malam. Mak datang pujuk saya. Mak kata, dia pukul saya bukan sebab benci. Mak tak mahu sesuatu yang buruk berlaku ke atas saya. Mak tak boleh bayangkan kalau saya

mati lemas. Hanya saya anak mak.

“Masa kecil, kita tidak faham mengapa ibu bapa pukul anak. Kita ingatkan mereka benci dan tak sayang kita. Bila dewasa, barulah kita sedar betapa ibu bapa amat menyayangi kita lebih daripada diri mereka sendiri. Pada ketika ini kita amat berterima kasih kepada mereka.”



Selain belajar Al-Quran, Rosmah juga dihantar ke kelas tuisyen oleh ayahnya pada sebelah malam. Ia sebagai persediaan beliau untuk menambah ilmu dalam matematik dan sains.

Pada satu hari, ketika dalam perjalanan ke kelas tuisyen, Rosmah ternampak Jabatan Penerangan sedang menayangkan filem. Orang pun ramai di kawasan tanah lapang itu. Ada penjual aiskrim, ada yang menjual kacang putih dan macam-macam lagi. Perasaan untuk berada bersama-sama orang ramai itu membuak-buak.

Beliau mendapat satu idea. Dia memberitahu cikgu tuisyen yang perutnya sakit tidak terhingga. Mesti kena balik rumah juga. Setelah diberi izin, Rosmah pun keluar dari kelas tuisyen. Beliau tidak balik terus ke rumah, sebaliknya menonton filem tersebut.

Malangnya, pada hari itu entah mengapa bapanya datang lebih awal menjemputnya. Apabila diberitahu Rosmah telah pulang awal kerana sakit perut, Cikgu Mansor sudah dapat mengagak destinasi anaknya itu.

Apabila sampai di depan rumah, Rosmah ternampak satu bungkusan di depan pintu. Bila dilihat betul-betul, isi bungkusan itu adalah pakaiannya. Anak kecil berusia 12 tahun itu mahu dihalau dari rumah.

Kesedihan tidak tertanggung. Sampai hati mak dan abah. Rosmah mengetuk pintu bertalutalu sambil menangis tetapi tiada siapa yang membukanya. Tidak ibunya. Tidak juga dua orang gajinya. Jauh, sekali abahnya.

“Saya menangis dan minta ampun berkali-kali. Merayu. Janji tak buat lagi. Lama kemudian baru mak buka pintu. Saya kena marah dan kena pukul dengan abah.

“Suruh belajar tapi kau pergi tengok wayang. Kalau tak pandai nanti bila abah dan mak dah tak ada, siapa nak jaga kau? Abah suruh kau sekolah pandai-pandai, nanti bila besar boleh jadi pegawai. Boleh jadi orang. Jangan kau menyusahkan orang,” cerita Rosmah sambil tersenyum mengenang kisah silam.

Melancong Ke Melaka & Kuala Lumpur

Kadang-kadang bagi memujuk anak yang selalu dimarahi dan menjalani kehidupan penuh disiplin, Cikgu Mansor membawa isteri dan Rosmah ‘makan angin’ ke Kuala Lumpur atau Melaka. Biasanya itu dilakukan ketika menyambut ulang tahun Rosmah. Mereka akan makan sate kerang di Melaka. Kemudian membeli-belah di Kuala Lumpur. Tiup lilin dan makan kek tiga beranak.

Menjelang sambutan Aidilfitri pula, Rosmah

akan dibawa membeli-belah di pusat pakaian yang mengimport pakaian dari luar negara iaitu Pusat Pakaian Mei-Mei, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Biasanya Rosmah akan membeli lima pasang pakaian, kasut dan stoking yang sama warna (*matching*).

Permintaan Rosmah biasanya dipenuhi apatah lagi Cikgu Masor memang lelaki yang sukakan fesyen. Beliau mahu anak-beranaknya kelihatan kemas dan *up to date*.

Bercerita lanjut tentang kedegilan zaman kanak-kanak, Rosmah tidak boleh lupa apabila kakinya dibelasah dengan getah paip. Ini gara-gara melawan cakap bapanya yang menyuruhnya menukar pakaian untuk ke satu majlis.

Rosmah beriya-iyanya mahu memakai baju yang baru saja diambil daripada tukang jahit. Baginya baju itu sangat cantik dan menyerlahkan kejelitaan si pemakainya. Berulang kali disuruh tukar tapi Rosmah berdegil. Apabila kemarahan bapanya memuncak, barulah Rosmah mengikut arahan. Tapi, umpama nasi sudah menjadi bubur.

Sebaik pulang daripada majlis tersebut, maka getah paip singgah di kaki. Abah marah, mak pun sama-sama marah. Katanya, anak-anak tidak boleh melawan cakap orang tua; berdosa dan tidak dirahmati Allah. Rosmah diam menangis sambil menahan sakit.

Apabila malam, emaknya datang dan bertanya di mana tempat yang sakit. Lalu, disapu dengan minyak. Rosmah menangis lagi kerana merasai dirinya dikhianati emak sendiri.

“Mak tak boleh menyebelahi kau. Kalau abah cakap kau salah, mak pun kena cakap kau

salah. Nanti kau dah besar kau akan pandai menilainya.

“Bagi saya, moralnya sesuatu yang sangat bagus. Apabila suami marahkan anak, jangan ada isteri yang mempertahankan anak-anak. Ini kerana anak-anak akan merasa mereka dilindungi dan akan membuat lebih banyak kesalahan.

“Siapa saya sekarang adalah sebab pendidikan dan tunjuk ajar ibu bapa. Dan, saya mengajar nilai-nilai baik itu kepada anak-anak saya. Mereka juga yang menentukan langkah mereka setelah diberikan ilmu terbaik.”

Zaman Kolej Tunku Kurshiah (TKC)

KECERDIKAN Rosmah membawanya ke Kolej Tunku Kurshiah (TKC), Seremban,

Negeri Sembilan ketika usia 12 tahun. Kolej berasrama penuh tersebut hanya memilih pelajar pintar untuk menjadi penuntutnya dalam bilangan yang minimum. Ia adalah kolej perempuan paling berprestij ketika itu. Ditubuhkan dengan impian untuk melahirkan ramai pemimpin wanita berkarisma pada masa akan datang.

Mengikut sejarah, kolej ini asalnya dinamakan sebagai Kolej Perempuan Melayu ditubuhkan pada tahun 1947 di Jalan Damansara, Kuala Lumpur. Sekolah ini secara rasminya dibuka oleh Lady Gent, isteri kepada Sir Edward Gent, Gabenor Malayan Union. Pada April 1962, kolej ini telah berpindah ke tapak seluas 22 ekar di Bukit Merbah, Jalan Tunku Kurshiah, Seremban. Namanya diambil sempena nama Tuanku Puan Besar Kurshiah, iaitu Permaisuri Agong yang pertama.

Pada tahun 1964 ketika berusia 12 tahun dengan ditemani ibu bapanya, Rosmah



menghadiri temuduga khas untuk masuk ke TKC. Beliau diberitahu hanya tiga orang pelajar sahaja dari Negeri Sembilan yang akan dipilih untuk belajar di situ. Selebihnya, akan pulang hampa dan belajar di sekolah biasa.

Justeru, dengan izin Allah dan berkat usaha serta kesungguhan Rosmah dan ibu bapanya ketika cemerlang dalam peperiksaan sekolah rendah, beliau menjadi warga TKC.

Beliau menjadi pelajar TKC yang bernombor pendaftaran 711 pada 13 Januari 1964, ditempatkan di Kelas 1K. Dan, menariknya seperti mahu ‘mengikat’ Rosmah di situ, beliau ditempatkan di Asrama Biru yang dikenali sebagai Asrama Tun Fatimah. Nama yang sama seperti nama ibunya, Fatimah bte Katas.

Sudah pasti menuntut ilmu di kolej perempuan yang paling berprestij di sebuah negara merdeka membakar semangat beliau untuk mempelajari segala apa yang penting tentang dunia

dan akhirat. Itu juga moto KTC - ‘Di sini lahirnya pemimpin harapan agama, bangsa dan negara’.

Namun, perjalanannya masih panjang untuk mencapai cita-cita. Ketika mula-mula menjejakan kaki di bumi TKC, Rosmah merasakan dirinya keseorangan kerana tiada ibu bapa di sisi dan merasa berada di dunia yang terasing.

“Masa mula-mula belajar di TKC saya sukar untuk sesuaikan diri. Saya menangis. Saya kena berdikari, kena basuh dan gosok pakaian sendiri, sedangkan selama ini kerja itu dilakukan oleh pembantu rumah. Tambah menyedihkan apabila pakaian yang telah dicuci itu hilang di ampaian.

“Saya juga tidak pandai bergaul dengan rakan-rakan lain. Maklum, selama ini yang menjadi rakan saya adalah ibu bapa sendiri. Saya mengadu dengan mak, seperti biasa mak akan pujuk saya supaya bersabar dan tetapkan iman.”

Rosmah bersabar dan cuba menjadi anak yang baik. Namun, tiga bulan pertama itu adalah



cabaran yang tidak boleh lagi dihadapinya. Walaupun setiap minggu ibu bapanya datang melawat, keinginan Rosmah untuk meninggalkan sekolah yang dikelilingi hutan itu semakin membuak-buak.

Rupa-rupanya, secara diam-diam, ibunya mendapatkan tempat untuk Rosmah belajar di Convent Seremban. Rosmah melompat gembira apabila mengetahui hal tersebut. Malangnya, kegembiraan itu hanya seketika. Cita-cita Rosmah dan kerja rahsia yang dilakukan oleh ibunya diketahui oleh bapanya. Seperti diduga, Cikgu Mansor dengan keras menghalang hasrat Rosmah.

“Abah saya cakap, kau jangan keluar-keluar dari sekolah ni. Kau belajar sampai habis. Tak boleh ke mana-mana. Mak hanya diam dan tunduk.

“Sudah tentu saya sedih. Jadi, bila ibu bapa saya mahu balik rumah, saya kejar mereka dan bergayut di pintu kereta. Tetapi, bapa saya tetap dengan pendiriannya yang mahu saya terus belajar di TKC.”



ASIAH... pengetua yang garang dan tegas di TKC.

Pengetua Garang

Semangat remajanya dikuatkan. Ilmu tidak akan datang bergolek. Ilmu bukan warisan daripada ibu bapa. Ilmu perlu dikejar dan dikandung.

Selain banyak menghabiskan masa dengan belajar dan membaca buku, Rosmah cuba sedaya upaya menyesuaikan diri dengan dunia baru. Beliau berpegang kepada kata-kata; ‘Bagaimana mahu berlari kalau takut berjalan’. Kalau dirinya mahu berjaya, dia juga harus bersedia menerima perubahan.

Hari-hari yang dilalui di TKC memang memeritkan. Tubuh di TKC tetapi jiwa di rumah bersama ibu bapa. Namun, bak kata pepatah; ‘ala bisa tegal biasa’. Akhirnya, Rosmah dan TKC sudah bersatu. Tubuh dan jiwa menjadi satu.

“Saya membesar bersama rakan-rakan, belajar untuk bergaul dan bertolak ansur, menerima kekurangan orang lain dan orang lain belajar menerima kekurangan saya. Itu adalah tempoh menyesuaikan diri.”

Memang diakui beliau seorang yang pandai dan selalu mendapat tempat teratas dalam kelas. Selain itu beliau juga aktif dalam aktiviti sukan seperti badminton, hoki dan bola jaring. Beliau juga sukakan hiburan dan selalu mengambil bahagian dalam nyanyian, tarian dan lakonan semasa di sekolah.

Biarpun mempunyai kelebihan-kelebihan tersebut, Rosmah sentiasa ingat pesanan emaknya supaya mengikut rasmi padi; ‘lagi tunduk, lagi berisi’. Sifat meninggi diri jangan membaluti diri. Sebaliknya,

berendah dirilah dalam semua hal. 'Tidak hilang bisa ular menyusur akar'.

Semasa belajar di TKC inilah Rosmah rapat dengan beberapa rakan serta menyimpan kenangan suka dan duka bersama-sama. Mereka belajar bersama-sama dan tinggal di dorm yang sama sepanjang lima atau tujuh tahun belajar di situ.

Rakan yang selalu bersamanya ialah Zakiah Ahmad (Aki), Zaleha Mahmud (Leha), Nik Esah Mahmud (Nik) dan Nurhizan Abd. Manab (Ijan). Kadang-kadang mereka disertai juga Raja Nur Baizura (kini pelakon).

Selain itu, Rosmah juga belajar sekelas bersama-sama Mazlan Othman (Datuk Dr - bekas Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara) sehingga tingkatan tiga kerana selepas itu Rosmah beralih ke aliran sastera manakala Mazlan ke aliran sains. Kawan lain yang sama-sama belajar di TKC pada ketika itu ialah Roselina Tan Sri Khir Johari, YAM Raja Nor Mahani Raja Haji Shahar Shah, YAM Tengku Dottie Almarhum Sultan Idris Shah dan ramai lagi.

Menurut Rosmah, ketika belajar di situ pengetua yang sentiasa diingati ialah Asiah Abu Samah (kini Tan Sri Dr. - Bekas Ketua Pengarah

BUKU pendaftaran pelajar TKC sejak 1947. Rosmah menjadi pelajar ke-711 di sekolah tersebut.

Pendidikan, 1991-1993). Beliau seorang pengetua muda yang tegas dan garang. Tiada siapa yang berani bertentang mata atau bercakap dengan Asiah. Bagi Rosmah sendiri, jika terserempak dengan pengetua itu, beliau akan cepat-cepat membuat u-turn. Asiah menjadi pengetua dari tahun 1966 – 1970.

“Grup saya digelar oleh Asiah sebagai *Giddy Group*. Kami bukanlah nakal sangat, tetapi sebagai remaja kami suka melakukan sesuatu mengikut naluri. Selalu juga buat bising dan suka mengusik pelajar lain. Jadi, apabila pengetua dapat tahu, sudah tentu dia marah. Beliau akan menggunakan pembesar suara (*loud hailer*) untuk memanggil nama kami satu persatu.

“Zakiah! Zaleha! Nurhizan! Nik Esah! Rosmah! Datang ke pejabat sekarang juga! Dalam

KENANGAN ketika di tingkatan satu bersama Miss Tan.



hati saya berkata; aku tak bercakap sepatutnya apa pun, tetapi terkena juga. Mestilah kena denda selepas itu,” cerita Rosmah sambil ketawa mengenang zaman persekolahan yang menggembirakan.

Sesungguhnya, beliau mengakui persahabatan yang terjalin di TKC tidak mungkin akan berulang lagi. Itu sejarah sekali seumur hidup. Tak mungkin berpatah balik. Beliau mengakui amat menyayangi dan merindu rakan-rakan *Giddy Group* yang diketuai oleh Aki.

Begitu juga kebaikan sahabatnya, Ijan yang merawat dahinya yang bengkak akibat cedera dalam perlawanan bola jaring masih segar dalam memori. Ijan tuam dahinya yang bengkak dengan ais. Begitu juga ketika cedera bermain hoki. Sahabatnya yang berasal dari Selangor itu bersama Rosmah hingga ke Universiti Malaya.

Leha, Nik, Aki, Ijan dan Rosmah adalah lima serangkai. Ke mana-mana mereka akan bersama. Mereka makan, minum, tidur, belajar, ketawa, menangis dan segala-galanya bersama-sama. Mereka ibarat kuku dan isi mengharungi kehidupan di TKC. Mereka sudah menjadi adik-beradik.

Hobi mereka juga sama iaitu bergambar. Mereka sanggup menukar pakaian beberapa kali dalam sehari hanya semata-mata mahu

bergambar. Di mana saja walaupun lokasinya tidak menarik, mereka tetap bergambar. Yang penting wajah dan aksi mereka dirakam. Ternyata, hobi itu menjadi hal yang penting kerana gambar-gambar yang dirakam dan dicetak itu menjadi bahan rujukan serta dokumentasi penting untuk anak cucu mereka.

Hujung minggu mereka akan memenuhkan kereta Cikgu Mansor dan Cikgu Fatimah. Mereka dibawa makan di sekitar Seremban. Makanan paling mereka suka ialah mi goreng, rojak mamak dan Air Batu Campur (ABC) di Perhentian Bas Seremban. Mereka memang suka makan, apatah lagi tinggal di asrama sudah pasti makanan yang disediakan tidak akan sama dengan di luar atau di rumah.

Apabila ibu bapa Rosmah tidak datang melawat, Rosmah dan rakan-rakan sangat gelisah. Keinginan untuk makan makanan sedap dan menghirup udara luar sangat menggoda. Justeru, Aki yang selalu menjadi *mastermind* merancang untuk keluar asrama dengan menggunakan teksi.

Masalahnya, jika mahu keluar mereka mesti dijemput oleh saudara mara. Siapa yang akan menyamar menjadi saudara kepada pemandu teksi itu?

Apabila teksi sampai, Leha dan Ijan segera mendapatkan teksi tersebut sementara Rosmah, Nik dan Aki bersembunyi dan menunggu di sebalik pintu bilik membasuh pakaian. Mereka sudah bersedia untuk berlari dan masuk ke dalam teksi tersebut secepat yang mungkin. Tiba-tiba muncul matron yang bernama Noriah di depan teksi. Leha dan Ijan tergamam. Apabila ditanya, Leha menyatakan pemandu teksi tersebut adalah bapa saudaranya Ijan.

Akhirnya, rancangan nakal itu tidak berjaya kerana Leha dan Ijan cepat-cepat melarikan diri


apabila tembelang mereka pecah. Apatah lagi pemandu teksi tersebut adalah seorang berbangsa Cina yang sudah tua.

Disiplin di TKC amat ketat, diumpamakan seperti disiplin askar. Tidak ada ruang untuk melakukan kesilapan. Pelajar-pelajar di sini bukan saja mesti belajar dengan cemerlang, malah menguruskan sendiri kediaman mereka.

Katil, bantal, bilik air, lantai dan semuanya mesti kemas. *Dorm* yang tidak bersih akan diumumkan semasa perhimpunan. Nama penghuni *dorm* pun akan disebut satu persatu. Jadi, untuk mengelak dimalukan, setiap pelajar akan memastikan kawasan mereka sentiasa bersih.

Hari Ahad adalah hari bekerja keras bagi memastikan perhimpunan pagi Isnin itu tidak akan memalukan mereka. Jika bernasib baik akan diumumkan *The Best Dorm*.

Anugerah tanpa ganjaran itu tetap menjadi pendorong setiap penghuni untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Menjaga maruah diri dan integriti diri lebih penting daripada segala anugerah dan gelaran.



ROSMAH (kiri) dan Ijan.

Pelajar tingkatan satu dan dua yang disifatkan sebagai pelajar junior mesti melakukan kerja-kerja yang biasa dilakukan oleh budak perempuan. Kebiasaannya ialah menyediakan makanan, membasuh pinggan, sudu dan kena kemas meja makan. Apabila semua sudah tersedia, barulah senior akan datang untuk makan.

Semua kena ada *table manners*. Ketika berada di meja makan bersopan santun mesti diberi keutamaan. Tidak boleh bercakap ketika makan. Buka mulut pun mesti perlahan, begitu juga mengunyah. Tidak boleh bising dan tidak boleh gelojoh. Selesai makan mesti tahu di mana harus meletakkan sudu, pinggan, cawan dan lain-lain.

Makanan di atas meja juga tidak boleh diambil atau ditambah sesuka hati. Peraturannya, senior mesti didahulukan, kemudian barulah junior. Itu yang diajar di TKC sebagai salah satu persediaan untuk melahirkan pemimpin wanita masa depan yang terlatih dan berdisplin termasuk di meja makan.

Namun, kenakalan sebagai pelajar remaja tetap ada dalam diri Rosmah.

Ketika membuat tugas tersebut, kumpulannya mengambil peluang makan lebih awal. Mengemas sambil ‘curi-curi’ makan. Jadi, ketika berada di meja makan, mereka akan tetap bersopan santun dan tidak banyak menyentuh makanan. Adab di meja makan tetap dipelihara tinggi termasuk tidak mengeluarkan sebarang bunyi dari mulut ketika mengunyah makanan.

“Saya masih ingat satu peristiwa yang sangat lucu. Ketika berada di meja makan, kawan saya makan mentimun. Oleh kerana mulut tidak boleh berbunyi, dua kali saja dia gigit mentimun itu, kemudian terus telan. Bayangkan.”

Aktif Kebudayaan

Kegembiraan sebagai pelajar TKC diteruskan dengan aktiviti kebudayaan. Bersama rakan-rakan, Rosmah mengadakan persembahan secara berkumpulan di dewan sekolah. Antara persembahannya ialah koir, pentomin, tarian dan belajar alat muzik.

Sebagai persediaan dalam bidang seni mereka diajar pelbagai tarian seperti cha-cha, tarian Scottish, tarian ballroom, zapin, joget dan sebagainya. Lagu-lagu yang diminati adalah kumpulan popular Barat seperti kumpulan *The Beatles* dan *Bee Gees*.

Peluang diberikan kepada mereka yang terlibat dalam bidang ini mengadakan persembahan di seluruh Negeri Sembilan. Tidak terkecuali meraikan sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Kanak-Kanak.

Kadang kala jika ada majlis khas, mereka

MINAT...belajar main piano
tetapi setengah jalan.


akan diundang mengadakan persembahan di rumah Menteri Besar. Inilah peluang terbaik untuk mereka bergaul dengan masyarakat luar. Pelajar TKC digalakkan membesar dalam situasi yang sebenarnya, diberi peluang untuk menjadi manusia normal.

“Oleh kerana minat muzik saya belajar piano sampai tingkatan tiga. Bila abah dan mak dapat tahu, mereka suruh saya berhenti. Alasan mereka, kalau saya asyik main piano nanti lupa belajar. Lagi pun, menurut mereka bidang muzik tidak akan membawa saya ke mana-mana.

“Begitulah pandangan ibu bapa pada ketika itu terhadap bidang kesenian dan kebudayaan. Bagi mereka, bidang tersebut bukan janji masa depan yang cemerlang. Ini berbeza dengan keadaan sekarang yang mana seni menjadi antara aset penting pembangunan minda masyarakat.”

Rosmah berkongsi satu lagi cerita lucunya di TKC. Pada satu malam ketika berada di ruang belajar, beliau tertidur. Ini akibat kepenatan bermain dalam pertandingan bola jaring pada sebelah petang. Perbuatan tersebut dihidu oleh pengetua.

“Pengetua tanya saya penat ke? Dalam keadaan takut dan terkejut,




SUASANA dorm yang menjadi tempat penginapan Rosmah di TKC selama tujuh tahun.

saya mengangguk. Jadi, dia suruh saya balik ke *dorm* dan tidur. Saya tidak bergerak dari kerusi. Tidak mungkin saya balik ke *dorm* kerana tidak ada orang lain di situ. Lagi pun lampu di *dorm* tidak akan dipasang selagi tidak ada penghuni.

“Bukan saja saya takut gelap dan bersendirian di *dorm* malah lebih menyeramkan *dorm* saya tidak jauh dari kem dan kubur askar Gurkha. Macam-macam bunyi akan kedengaran.”

Bagi pelajar yang tinggal di asrama, musim cuti sekolah adalah saat yang paling dinantikan. Semasa cuti, Rosmah akan mengikut ke mana saya ibu bapanya pergi. Ke majlis perkahwinan, berkunjung ke rumah saudara mara, membeli belah dan sebagainya. Tetapi, yang lucunya Rosmah sentiasa diawasi bapanya.

“Kalau abah bawa kereta, saya akan duduk di belakang. Dia selalu tengok saya dari cermin depan sebab dia mahu tengok sama ada saya membalas lambaian budak-budak lelaki. Saya pura-



MENERIMA hadiah daripada Tuanku Kurshiah ketika di finkatan enam.



SUKAN menjadi minat utama.


pura tidak nampak walaupun saya tahu matanya memerhatikan saya.

“Saya masih ingat ketika tingkatan empat, kawan baik saya adakan *party* di rumahnya. Baru pukul 9.30 malam abah dah tercegat di depan pintu untuk menjemput saya balik. Katanya, “Apo bondo makan dalam golap-golap ni? Mari balik.”



Rosmah meninggalkan TKC pada tahun 1970 dengan beribu kenangan yang tidak pernah luntur dari ingatan. Tujuh tahun di TKC mengajar Rosmah menjadi manusia yang lebih berfikiran positif dan membentuk peribadi yang kukuh. “Tempat jatuh lagi kan dikenang, inilah pula tempat menimba ilmu”.

Langkah terus diatur ke Universiti Malaya Kuala Lumpur setelah memperolehi keputusan peperiksaan HSC yang cemerlang.


BOLA jaring adalah sukan kegemaran Rosmah sejak zaman TKC lagi.



GIDDY Group...dari kiri Zaleha, Aki, Rosmah, Ijan dan Nik Esah.



Rosmah




Zaleha

Shida Shariwee



Ijan



Aki



ASIAH (tengah) yang dianggap garang menjadi sumber inspirasi Rosmah dan rakan-rakan ketika di tingkatan enam di TKC.



SETELAH lebih 40 tahun... Rosmah dan rakan-rakan masih berhubung antara satu sama lain.



ZAMAN UNIVERSITI & PEKERJAAN

“Saya memilih untuk belajar sosiologi supaya saya boleh memahami manusia dengan lebih baik. Jika seseorang berkelakuan tidak betul pasti ada sesuatu yang tidak kena sepanjang hidupnya. Mesti ada sesuatu yang tidak betul dalam hidupnya dan dia perlu membalasnya kepada orang lain. Saya suka mengkaji perkara itu.”

SEJARAH adalah catatan benar yang telah berlaku dan dilalui. Sejarah tidak boleh diputar kembali dalam bentuk dan tarikh yang sama. Jika sejarah itu ditinggalkan dalam suasana yang menggembirakan, maka ia akan dikenang penuh kegembiraan. Begitu juga sebaliknya.

Itu jugalah yang dilalui Rosmah. Selepas tamat tingkatan enam, beliau meninggalkan sejarah suka dan duka di TKC. Sepanjang tujuh tahun (1964 – 1970) beliau menimba ilmu pengetahuan di kolej terbaik bagi wanita itu. Tujuh tahun itu pelbagai ilmu tersemat di dada.



KENANGAN..bergambar bersama kereta kesayangan bapanya.

Rosmah mengatur langkah, meninggalkan segala kenangan di TKC dengan keputusan cemerlang Malaysian Certificate of Education (MCE) dan Higher School Certificate (HSC) iaitu sijil yang setaraf GCE A Level di United Kingdom.

Seperti majoriti rakan-rakan TKC yang lain, Rosmah berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti. Beliau dipilih ke Universiti Malaya Kuala Lumpur. Niat hatinya ingin menggenggam ijazah dalam bidang undang-undang. Beliau ingin menjadi peguam.

Malangnya, Universiti Malaya belum menawarkan kursus undang-undang pada ketika itu. Jika beliau ingin belajar juga dalam bidang itu, lokasi terbaik ialah di United Kingdom. Dikatakan dermasiswa telah menanti sekiranya beliau bersetuju ke sana.

Bagaimanapun, halangan paling kuat ialah ibu bapanya. “Kau nak belajar ke sana sebab kau nak kahwin dengan orang putih. Nanti dah kahwin dengan orang putih, lupa mak dan abah. Lupa asal usul,” kata Cikgu Fatimah.

Akhirnya, Rosmah menukar arah. Beliau memilih jurusan Antropologi dan Sosiologi. Mungkin ketika itu ramai anak-anak perempuan lebih suka mengambil kursus perguruan kerana ia memberi peluang pekerjaan yang lebih mudah. Tetapi, tidak bagi Rosmah. Baginya, bidang Antropologi dan Sosiologi juga mencabar mindanya.

“Saya memilih untuk belajar sosiologi supaya saya boleh memahami manusia dengan lebih baik. Jika seseorang berkelakuan tidak betul, pasti ada sesuatu yang tidak kena sepanjang hidupnya. Mesti

Rosmah Mansor

ROSMAH Mansor mudah didekati dan disayangi jika kena dengan caranya. Seorang ibu, isteri dan wanita yang memiliki banyak kelebihan dalam usaha membangunkan anak bangsa negaranya. Seperti selalu, setiap usaha itu ada cabarannya. Cabaran yang dihadapi oleh Rosmah bukan calang-calang. Namun, percaya kepada Kuasa Allah Yang Maha Besar, beliau tidak pernah berhenti mengorak langkah. Marilah kita mengenali siapa sebenarnya *The First Lady of Malaysia* ini.

ISBN 978-967-11536-0-4



9 789671 153604